

Seni Cindai

Oleh MOHD. YUSRI KAMARUDDIN

CINDAI bermaksud kain tudung yang digunakan untuk menutup kepala seseorang wanita. Biasanya cindai diperbuat daripada kain sutera ataupun kain sari.


Selain untuk menutup kepala, kain cindai juga digunakan sebagai kain selempang pada bahu ataupun dibuat bengkung untuk mengikat pinggang oleh kaum lelaki. Kain-kain ini lebih kasar jika dibandingkan dengan kain yang digunakan oleh kaum wanita.

Dalam ilmu persilatan Melayu, terdapat satu asas pelajaran senjata yang dinamakan seni cindai. Seni cindai ditakrifkan sebagai satu teknik mempertahankan diri dengan memanfaatkan bahan yang boleh dibentuk seperti kain, rantai atau tali untuk digunakan sebagai pertahanan diri daripada serangan musuh.

Kain merupakan bahan utama yang sering digunakan sebagai alat atau senjata dalam latihan seni cindai. Secara tidak langsung di similah seni cindai mendapat nama sempena kain yang digunakan.

Seni cindai ini dipercayai diasaskan oleh Puteri Meliwa, seorang puteri dari kerajaan Bugis di Sulawesi. Seni cindai ini dibawa oleh orang-orang Bugis yang berhijrah ke Tanah Melayu selepas berlaku perperangan dengan Belanda.

Kadangkala kita tidak menyangka bahawa pakaian kita seperti baju, kain tudung dan serban boleh dijadikan senjata untuk mempertahankan diri. Dengan menggunakan sedikit kreativiti, dan mengetahui kaedah menggunakanannya, kain tersebut boleh dijadikan senjata yang ampuh dalam



menentang musuh.

Kita telah sedia maklum bahawa membawa senjata berbahaya seperti pisau, parang dan sebagainya adalah satu kesalahan sekalipun untuk tujuan mempertahankan diri.

Orang yang mempunyai ilmu cindai tidak perlu membawa senjata atas tujuan keselamatan kerana secara konsepnya ilmu ini memanfaatkan penggunaan kain dan pakaian serta yang terdapat di sekeliling sebagai senjata asalkan sesuai dengan kaedah dan teknik cindai.

Seorang yang betul-betul mahir da-

lam ilmu ini dikatakan mampu membunuh musuh dengan menggunakan straw minuman.

Dalam persilatan, ilmu cindai adalah ilmu pada peringkat tertinggi perguruan dan menjadi rahsia ilmu persilatan itu sendiri. Hanya murid-murid kanan dan setia sahaja yang diajar ilmu ini.

Untuk melayakkan seseorang itu belajar, dia perlu mahir dalam menggunakan senjata lain seperti keris, lembing dan parang.

Setiap pengamal ilmu cindai perlu memahami dan mendalami peraturan ilmu dan rahsia cindai. Hal ini demikian kerana ilmu cindai adalah satu kaedah yang membentuk seseorang menjadi kreatif dalam memanipulasi benda di persekitaran untuk dijadikan senjata ketika menghadapi ancaman.


Penggunaan kain ketika latihan sebenarnya tidak lebih hanya sebagai satu alat untuk mengajar sahaja sedangkan banyak lagi bahan lain yang boleh dijadikan senjata cindai.

Ilmu cindai bukanlah "ilmu mistik" yang melibatkan kepercayaan karut dan jampi serapah yang mungkin memongsangkan akidah. Sebaliknya ilmu cindai merupakan ilmu yang meletakkan kecekapan, ketangkasaran dan kefahaman sebagai asas.

Sungguhpun demikian, tidak dinafikan kepercayaan karut yang berakar umbi dalam kalangan masyarakat Melayu menyebabkan ilmu cindai sering diselitkan dengan amalan salah dan mistik, kononnya dengan tujuan untuk memberi kekuatan yang lebih kepada si pengamal.



Kain merupakan senjata utama seni cindai.



Seni cindai mengajar penuntutnya memerangkap, mengelak dan menyerang musuh.

Sebagai contoh, terdapat kepercayaan di kalangan pengamal ilmu cindai ini kononnya kain cindai yang ditenun oleh seorang anak dara sunti adalah lebih berbisa jika dibandingkan daripada kain yang lain. Kepercayaan ini sememangnya tidak boleh diterima.

Sungguhpun seni cindai merupakan ilmu peringkat tertinggi, hakikatnya ilmu ini masih boleh diajar kepada semua

peringkat umur. Namun begitu ilmu ini dikatakan lebih sesuai dipraktikkan oleh golongan wanita dan orang-orang tua.

Alasannya, senjata cindai yang terdiri daripada kain dan seumpamanya adalah lebih ringan jika dibandingkan dengan senjata lain seperti pedang, sundang dan parang yang agak berat dan sukar dikendalikan. Selain itu bahan yang boleh dijadikan senjata biasanya digunakan oleh

kaum wanita dan orang-orang tua seperti tudung dan serban.

Dengan mempelajari ilmu cindai seseorang dapat berfikir secara logik dan pantas. Sebagai contoh, kita dilarang sama sekali untuk menangkis senjata tajam seperti pedang ataupun parang sekiranya kita menggunakan kain sebagai senjata.

Logiknya hukum alam membuktikan bahawa kain akan mudah terkoyak atau putus jika ditetak senjata tajam. Kita akan menerima risiko kecederaan sekiranya kita melanggar konsep yang telah digarisankan. Lain halnya sekiranya senjata cindai yang kita gunakan ialah rantai besi yang ternyata kukuh untuk menahan tetakan senjata tajam.

Antara kaedah pemelajaran seni cindai, setiap penuntut akan diajar cara menjerat dan memerangkap anggota badan lawan di samping kaedah mengelak dan menyerang. Selain itu setiap penuntut akan diajar teknik untuk menjerut anggota tertentu seperti leher dan tangan untuk mengunci pergerakan lawan ataupun membunuhnya.

Selain teknik mempertahankan diri, penuntut ilmu cindai juga diajar menggunakan bahan cindai sebagai senjata untuk menyerang musuh. Antara teknik serangan yang mudah dan popular ialah teknik "bola gergasi".

Dalam kaedah bola gergasi hujung kain dililit bersama bahan yang berat seperti besi ataupun batu dan dibentuk seperti bola. Kemudian kain tersebut dibasahkan bagi mendatangkan kekuatan ketika berlawan dengan musuh.

Kebanyakan orang Melayu tidak mengetahui dan tidak pernah melihat permainan dan kehebatan ilmu cindai. Hal ini demikian kerana ilmu cindai masih diajar secara rahsia kerana dikhuatiri disalah guna oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

Sewajarnya pada masa akan datang ilmu cindai ini patut ditunjukkan kepada orang ramai sekalipun dalam bentuk umum sama ada secara demonstrasi ataupun ilustrasi supaya seni ini disedari kewujudannya. Usaha ini juga sebagai satu langkah untuk menarik orang ramai menyertai seni bela diri bangsa Melayu seterusnya mengembangkannya supaya tidak hilang ditelan zaman. (db)